

Buka Ruang Seluas-luasnya Kepada Mahasiswa Sertai Umno - Wanita Umno Bernama
03 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Anggota Umno setiap peringkat diminta membuka ruang seluas-luasnya kepada mahasiswa menyertai Umno bagi memberi mereka pendedahan awal untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan, kata wakil Wanita Umno Datuk Hasnah Salam.

Beliau berkata mahasiswa sepatutnya tidak dilihat sebagai ancaman kepada Umno, sebaliknya mereka perlu dilihat sebagai pemberi kekuatan dalam bentuk idea dan tenaga bagi memajukan Umno.

"Mari kita bersama Presiden Umno galakkan penyertaan mahasiswa. Saya menyeru dan merayu kepada seluruh ahli Umno pelbagai jawatan dan peringkat buka pintu seluas-luasnya kepada mereka terutamanya di peringkat cawangan dan bahagian.

"Fahamilah jiwa mereka, jiwa Umno sudah tentu mereka akan menjiwai kemudian. Inilah yang dikatakan peremajaan Umno," katanya ketika menyokong usul agama, pendidikan dan sosial pada Perhimpunan Agung Umno 2011 di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Presiden Umno pada 24 Nov lepas mengumumkan kerajaan akan meminda Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974 bagi membolehkan mahasiswa mencapai umur 21 tahun menyertai parti politik.

Hasnah yang juga Exco Wanita Umno dan Naib Ketua Wanita Umno Bahagian Alor Gajah turut mencadangkan agar setiap sekolah menengah di negara ini mempunyai sekolah agama sendiri.

"Mendidik anak daripada darjah satu hingga enam tiada masalah, kalau mak kata hitam, hitam anak ikut, kalau mak kata putih, putih anak ikut. Tetapi bila tingkatan satu sampai lima inilah masanya mereka akan cari rakan sebaya mereka.

"Sekolah rendah tidak jadi masalah kerana mereka sudah ada sekolah agama. Sekolah menengah ini penting ada sekolah agama pada waktu petang kerana peringkat umur ini mereka mudah terdedah kepada gejala negatif," katanya.

Beliau berkata sekolah agama ini dapat mengukuhkan lagi proses melahirkan insan yang mempunyai kekuatan mental dan akhlak terpuji seterusnya dapat menghindari anak-anak daripada terlibat dengan gejala sosial.

Katanya sistem pendidikan yang berkesan penting dalam menghasilkan masyarakat yang berilmu seterusnya dapat membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Wakil Wilayah Persekutuan Rizalman Mokhtar ketika membahaskan usul itu mencadangkan Kementerian Pelajaran mewujudkan Sekolah Kebangsaan Agama di peringkat sekolah rendah.

Ketua Pemuda Umno Bandar Tun Razak itu berkata kewujudan sekolah tersebut akan memberi pilihan kepada ibu bapa yang berkecenderungan menghantar anak-anak ke

sekolah agama swasta atau sekolah agama yang tidak berdaftar dengan kementerian.

"Persoalannya ruang kekosongan yang wujud di peringkat rendah menyebabkan kebanyakan ibu bapa mengambil keputusan menghantar anak-anak mereka ke sekolah persendirian yang berteraskan pengajaran Agama Tinggi sebelum memasuki semula ke peringkat menengah sekolah yang dikelolakan oleh kerajaan.

"Dengan tiada sebarang niat untuk menafikan sumbangan Sekolah Agama Rakyat atau Sekolah Agama Negeri begitu juga Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, kewujudan Sekolah Kebangsaan Agama di peringkat rendah akan melengkapkan rantaian pendidikan agama secara menyeluruh di bawah kelolaan Kementerian pelajaran," katanya.

Wakil Pahang Datuk Mohamad Sahfri Abd Aziz pula berkata kerajaan perlu merombak sistem kurikulum, pengambilan guru dan fasiliti sekolah serta memberikan peruntukan tambahan bagi memperkasakan sistem pendidikan agama di negara ini.

"Kita nak anak muda kita keluar menjadi seorang doktor, doktor yang beriman, kalau dia seorang peguam, peguam yang beriman kepada Allah, kalau akauntan dan sebagainya kita nak mereka dapat membina negara kita dengan fahaman agama yang baik," katanya.

Mohamad Sahfri dalam pada itu memuji kerajaan pusat kerana telah memperuntukkan hampir RM1.0 bilion dalam pengurusan agama di dalam negara.

"Kita ada 22,000 masjid dan surau, kita ada 34,000 yang berjawatan guru-guru KAFA, kita ada 14,000 imam yang kita bagi elaun RM750 setiap bulan dan kita ada 33,000 penyelaras masjid di seluruh negara," katanya.

Dalam pada itu beliau memohon Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap kegiatan pihak tidak bertanggungjawab yang menyamar sebagai orang agama dan memberi ceramah di kawasan perkampungan.

"Tolong tengok geng-geng yang mengaku hafiz, kadang-kadang dia kata dia hafiz, tapi dia menjual agama ketika berceramah, mereka menipu orang kampung jual agama untuk parti," dakwanya.

Wakil Melaka Datuk Hasan Rahman pula mencadangkan agar para ibu bapa lebih bersikap terbuka dan membenarkan anak-anak remaja mereka bernikah awal bagi membendung fenomena kelahiran anak luar nikah.

"Kita tahu anak-anak ini nak kahwin sangat, maka dengan sebab itu saya berpendapat elok kita izinkan remaja kita, anak-anak kita yang belasan tahun ini berkahwin muda," katanya.

Beliau berkata sikap ibu bapa menyekat anak remaja mereka daripada berkahwin telah membawa kepada banyak masalah.

Hasan berkata parti perlu memandang isu ini secara serius dan jangan hanya pandai melabelkan mereka itu dan ini, tetapi tidak ada usaha untuk mencari formula bagaimana untuk mengatasi masalah yang melanda remaja.

Beliau juga berharap Kementerian Belia dan Sukan menghidupkan semula peruntukan Pengupayaan Pertubuhan Belia berjumlah RM3,000 bagi setiap pertubuhan belia setahun, yang diberhentikan sebelum ini.

Dengan adanya peruntukan ini, ianya akan menggalakkan orang muda untuk berpersatuan dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat, katanya.

"Kita nak mencari jaguh, kita nak mencari pasukan Harimau Muda Malaysia, kita mesti cari harimau kampung dahulu," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631564>